



Dr Abdul Shukor (dua dari kiri) pada sidang media selepas mempengerusikan **Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan** berkaitan tragedi pesawat MH370 di Putrajaya, semalam.

[FOTO BERNAMA]

“Jawatankuasa itu juga memutuskan penumpang dan kru pesawat sebagai mafqud (orang hilang)”

Abd Shukor Husin,
Pengerusi Muzakarah
Khas Jawatankuasa
Majlis Fatwa
Kebangsaan bagi Hal
Ehwal Agama Islam
Malaysia

Tak perlu solat jenazah ghaib

Putrajaya: Muzakarah Khas Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, semalam memutuskan pelaksanaan solat jenazah ghaib ke atas penumpang dan anak kapal MH370 yang beragama Islam adalah tidak perlu.

Pengerusinya, Prof Emeritus Tan Sri Dr Abd Shukor Husin, berkata jawatankuasa itu memutuskan penumpang dan kru pesawat malang itu dikategorikan sebagai mafqud (orang hilang) sehingga usaha

mencari dimuktamadkan dan disabitkan kematiannya oleh Mahkamah Syariah.

“Namun, disebabkan kerajaan masih berusaha mencari pelbagai perkara termasuk mengesan kotak hitam dan mayat dan ia belum ditemui, maka solat jenazah ghaib tidak diperlukan,” katanya.

Katanya, jika misi pencarian itu menemui sebarang mayat, cebisan mayat atau daging, maka wajib dilaksanakan pengurusan jenazah seperti Islam.

“Ia mesti dimandikan, dikafankan, disembahyangkan seterusnya diuruskan seperti pengurusan jenazah Islam. Jika dalam pencarian nanti menjumpai mayat atau sebahagian daripada mayat atau cebisan mayat, daging dan sebagainya, maka hendaklah dikumpulkan dan wajib melaksanakan kewajipan menguruskan jenazah sebagai mana dikehendaki Islam.

“Jika tidak dapat dibezakan sama ada Islam atau bukan Islam hendaklah juga dilak-

sanakan seperti pengurusan jenazah Islam.

“Kepada mereka yang menyembahyangkan hendaklah berniat untuk orang Islam saja,” katanya.

Beliau berkata, apabila disabitkan kematian oleh Mahkamah Syariah, maka bolehlah hukum lain seperti pemansuhan perkahwinan, pembahagian harta dan perkara yang ada kepentingan bagi waris dibuat di Mahkamah Syariah berkenaan atau majlis agama atau pihak berkuasa.